

Dr Mahathir, 5 lagi gagal mohon kekal ahli BERSATU

BH-19/6/2020 ml: 16

Mahkamah turut tolak permohonan injunksi pertahan jawatan

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi di sini, semalam menolak permohonan injunksi ad-interim (sementara) oleh Tun Dr Mahathir Mohamad dan lima yang lain bagi mengekalkan kedudukan keahlian dan jawatan mereka dalam Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU).

Dr Mahathir dan anaknya, Datuk Seri Mukhriz serta Datuk Seri Marzuki Yahya juga gagal memperoleh injunksi sama bagi mengekalkan kedudukan masing-masing sebagai Pengerusi, Timbalan Presiden dan Setiausaha Agung.

Pegawai Rosli Dahlan yang mewakili Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan tiga yang lain selaku defendan ketika ditemui berkata, mahkamah menolak injunksi itu selepas

mendapati imbalan prinsip perundangan tidak mewajarkan ia dibenarkan berdasarkan kepada nas dan prinsip perundangan.

Pihaknya turut memohon untuk membatalkan tuntutan saman Dr Mahathir kerana ia bersifat remeh, melampau, menjengkelkan dan menyalahgunakan proses mahkamah, yang akan didengar 9 Julai ini bersama-sama permohonan injunksi utama secara inter parte (dua belah pihak).

Rosli berkata, secara prinsipnya Dr Mahathir dan plaintiff yang lain tidak mempunyai locus standi (hak di sisi undang-undang) dan alasan perundangan serta fakta.

Katanya, semalam ditetapkan pendengaran injunksi, bagaimanapun pihaknya memaklumkan kepada mahkamah ia memfailkan permohonan membatalkan saman itu, kelmarin.

Ia adalah kerana menamakan BERSATU sebagai plaintiff dalam saman itu adalah satu tindakan yang salah.

"Parti itu tidak boleh dinamakan sebagai plaintiff, sebaliknya sebagai defendan kerana pihak plaintiff mendakwa ia (parti) adalah sebahagian daripada pihak yang melakukan tindakan salah laku.

"Permohonan pertama kami ialah untuk membatalkan saman itu kerana BERSATU dinamakan sebagai plaintiff di mana mereka tiada kuasa untuk berbuat demikian.

"Jadi, status quo kekal hari ini (semalam) berdasarkan pendirian kami mereka bukan lagi ahli parti disebabkan tindakan dan tingkah laku mereka sendiri, bukannya daripada tindakan kami (defendan) atau parti yang menamatkan keahlian mereka," katanya.

Sementara itu, peguam Mohamed Haniff Khatri Abdulla yang mewakili Dr Mahathir, berkata, anak guamnya memohon perintah injunksi ad-interim berikutan prosiding injunksi utama tidak dapat didengar semalam.

Beliau berkata, plaintiff memohon perintah bahawa status quo semua pihak dikekalkan supaya kedudukan tidak terjejas sehingga perkara itu didengar secara inter parte (dua belah pihak) pada tarikh yang ditetapkan.

Selain Dr Mahathir, Mukhriz dan Marzuki, plaintiff lain ialah bekas Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman (Ketua Angkatan Bersatu Anak Muda); bekas Menteri

Pendidikan, Dr Maszlee Malik (ahli) dan bekas Timbalan Menteri Kawangan, Datuk Amiruddin Hamzah (ahli).

Mereka yang turut menamakan BERSATU selaku plaintiff ketujuh, mengemukakan saman terhadap Muhyiddin yang kini Presiden dan Pemangku Pengerusi BERSATU; Setiausaha Agung, Datuk Seri Hamzah Zainudin; Setiausaha Kerja, Kapten (B) Muhammad Suhaimi Yahya dan Ketua Pengarah ROS, Masyati Abang Ibrahim sebagai defendan.

Dalam saman itu, plaintiff memohon perisytiharan, antaranya mereka adalah ahli BERSATU yang sah, masih memegang jawatan dalam parti (bagi pemegang jawatan) dan layak untuk bertanding pada pemilihan parti.

Mereka memohon perisytiharan bahawa semua surat pemberhentian yang ditandatangani Muhammad Suhaimi bertarikh 28 Mei lalu dan pengesahan melalui mesyuarat Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) parti bertarikh 4 Jun lalu adalah tidak sah dan terbatal.

Selain Rosli, defendan lain turut diwakili Datuk D P Naban, Chetan Jethwani and Leonard D Cruz.